

SPEKTRUM@PSN

Edisi Jun 2014

www.psn.gov.my www.facebook.com/PusatSainsNegara

Menarik Bulan Ini

- Program Cuti Sekolah 'Face Your Fears' Meriah ... 1
- PSN Tuan Rumah *World Oceans Day 2014* ... 2
- Khabar Dari PSN Cawangan Utara... 2
- Sana-Sini PSN... 3
- Info Sains... 3
- Program Menarik Akan Datang... 4
- Judul Buku Bulan Ini ... 4
- Jom Kenali Bahan Pameran... 4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh hubungi:

**Pusat Sains Negara,
Kem. Sains, Teknologi dan
Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Bukit Kiara
Kuala Lumpur
Tel: 03-20893400
Faks: 03-20893401**



PROGRAM CUTI SEKOLAH 'FACE YOUR FEARS' MERIAH

Program Istimewa Cuti Sekolah bertemakan 'Face Your Fears' yang berlangsung pada 8 hingga 12 Jun yang lalu telah berjaya menarik ramai pengunjung untuk hadir menyertai pelbagai aktiviti yang ditawarkan. Antaranya ialah *Fear of Height*, *Snake Show*, *Fear of Medical*, *Scary Food – Dare to Eat?*, *Fear of Clown* dan *Survival Room*. Di samping itu, turut diadakan aktiviti luar iaitu *Rocket Launcher*, *Water Gun Fighting*, *Water Balloon*, *Nature Adventure* serta *Giant Bubbles*.

Objektif program berkenaan adalah untuk mengisi masa lapang kanak-kanak yang hadir bersama ibu bapa mereka ke Pusat Sains Negara. Melalui aktiviti yang disertai, mereka dapat mempelajari sains sambil berseronok dengan aktiviti yang dianjurkan.

Pada masa sama, pengunjung juga berpeluang menguji tahap keberanian mereka dengan menyertai pelbagai aktiviti yang berkonsepkan ketakutan seperti ketakutan kepada ketinggian, ketakutan kepada haiwan reptilia dan banyak lagi.

Diharapkan penganjuran program sebegini dapat menarik lebih ramai pengunjung ke Pusat Sains Negara pada masa akan datang.



PSN TUAN RUMAH WORLD OCEANS DAY 2014

YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah merasmikan sambutan *World Oceans Day 2014* (WOD 2014), pada 8 Jun lalu di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur. Sambutan ini adalah hasil kerjasama daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Direktorat Oseanografi Kebangsaan, MOSTI.

Dengan tema '*Together We Have The Power To Protect The Ocean*', pengisian program juga berteraskan dunia marin seperti pameran hidupan marin, tarian hidupan marin, kuiz, pertandingan mewarna, ceramah mengenai hidupan marin serta *treasure hunt*.

Diharapkan WOD 2014 dapat memupuk kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya untuk memelihara laut serta hidupan marin bagi mengekalkan kemampuan ekosistem dan biodiversiti untuk generasi akan datang.



KHABAR DARI PSN CAWANGAN UTARA



PSN CAWANGAN UTARA ANJUR 'TEASER' FESTIVAL SAINS 2014

Penghujung bulan Mei dan awal Jun yang lalu begitu bermakna bagi penduduk wilayah utara kerana telah berlangsungnya program 'Teaser' Festival Sains PSNCWU 2014. Program yang dijalankan pada 31 Mei hingga 1 Jun ini amat bertepatan dengan musim cuti sekolah kerana program ini ditawarkan sebagai salah satu pengisian yang dapat dimanfaatkan bersama.

Dengan mensasarkan kehadiran pelajar bersama ahli keluarga, program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan mencatatkan jumlah keseluruhan pengunjung seramai 2,228 orang.

Program pengenalan kepada Festival Sains 2014 ini dijangka berlangsung pada bulan November akan datang dan secara positifnya program ini telah berjaya mencapai objektif utama seperti yang dirancang.



SANA-SINI PSN...

Lawatan Rasmi Delegasi Singapura

22 Mei 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur



Lawatan Rasmi Delegasi Jabatan Muzium Malaysia

17 Jun 2014
Pusat Sains Negara,
Kuala Lumpur

Professional Development (Outreach)

18-20 Jun 2014
Tawau, Sabah



INFO SAINS



Tahukah anda?

Rambut manusia terhasil daripada protein yang sama seperti kuku kaki dan tangan iaitu keratin.



PROGRAM MENARIK AKAN DATANG...

❖ Science Kids 2014

29 September – 3 Oktober 2014

Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur


❖ Pameran 'Whodunit?'

September 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

❖ festival Sains 2014

Disember 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

Jom Kenali Bahan Pameran




Nama: *Digestive System*

Lokasi: *Pathways to Science*

Fungsi: Bahan pameran ini memberikan gambaran ringkas tentang sistem penghadaman yang terdapat dalam badan manusia. Sistem ini mengandungi beberapa organ dan kelenjar yang kompleks bagi proses penghadaman makanan. Di sini, pengunjung berpeluang mengenalpasti setiap bahagian organ yang terlibat dalam proses perkumuhan.



JUDUL BUKU BULAN INI



Penulis: Andrew S. Winston

Penerbit: Harvard Business Press / 2009

Buku ini menawarkan nasihat yang praktikal khususnya untuk syarikat-syarikat bagi menggalakkan mereka mendapatkan idea kreatif dalam menyelesaikan cabaran alam sekitar. Selain itu, buku ini juga membantu untuk merancang masa depan yang lebih mampan dan menguntungkan.